



## **Impak Agihan Zakat Pendapatan Dalam Memenuhi Keperluan Pelajar di Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah**

**Mohd Nasir Ayub**

Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pahang Kampus Raub, 27600 Raub Pahang, Malaysia  
mnasir251@uitm.edu.my

**Surita Hartini Mat Hassan**

<sup>2</sup>Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pahang Kampus Raub, 27600 Raub, Pahang, Malaysia  
suritahartini@uitm.edu.my

**Najahuddin Lateh**

Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Malaysia  
najahudin@uitm.edu.my

**Mohd Muhaizam Md Ishak**

Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kedah Kampus Sungai Petani, 08400 Merbok, Kedah, Malaysia  
muhaizam@uitm.edu.my

**Muhammad Naim Anasat**

Lembaga Zakat Negeri Kedah, Kedah, Malaysia  
naim.nabil@zakatkedah.com.my

**Mohd Nabil Hilmi**

Lembaga Zakat Negeri Kedah, Kedah, Malaysia  
hilmi.anasat@zakatkedah.com.my

### **Abstrak.**

Zakat terbukti dapat membantu asnaf di Universiti Awam (UA) khususnya di Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah. Kewujudan unit zakat UiTM Kedah seterusnya di bawah pentadbiran Koordinator Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAS) di UiTM Kedah telah berjaya meringankan beban asnaf dalam kalangan mahasiswa melalui agihan zakat setiap semester. Banyak keperluan asnaf di kampus berjaya diselesaikan melalui bantuan dana zakat yang diterima. Berlatar belakangkan fenomena ini, kajian ini bertujuan untuk mengkaji impak dana zakat yang diagihkan kepada pelajar di UiTM Kedah. Data dikumpul secara atas talian menggunakan *google form* yang disi oleh pelajar yang menerima zakat UiTM Kedah. Data tersebut dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 8.0. Hasil kajian mendapati zakat dapat memenuhi keperluan pelajar seperti internet dan telefon, buku dan alat tulis, keperluan makan dan minum dan sebagainya.

**Kata kunci:** Impak, Agihan, zakat pendapatan, pelajar UiTM Kedah

### **1. Pengenalan**

Zakat merupakan suatu kewajipan dalam Islam. Zakat menjadi ibadah yang dapat membantu memperkasakan lagi ekonomi umat Islam. Dana zakat yang disalurkan itu dapat meringankan beban asnaf, sekaligus memberi peluang untuk mereka berdikari dan akhirnya keluar daripada kategori asnaf. Dalam al-Quran, asnaf dibahagikan kepada 8 bahagian iaitu fakir, miskin, amil, mualaf, orang terbelenggu dengan msalah-masalah sosial (*al-riqab*), orang yang berhutang (*al-gharimin*), *fi sabili'llah* dan *ibn sabil*. Agihan zakat yang adil hendaklah dilaksanakan seboleh-bolehnya kepada kelapan-lapan golongan asnaf. Menurut mazhab Iman Syafie, zakat boleh juga diagihkan kepada sekurang-kurangnya tiga golongan yang mana golongan ketiga adalah amil dan itu sudah memadai.

Objektif sosio-ekonomi yang utama bagi zakat ialah membasmi kemiskinan di kalangan masyarakat Islam. Islam menganggap kemiskinan sebagai satu masalah yang serius. Kemiskinan merupakan salah satu punca berlakunya jenayah dalam masyarakat. Kemiskinan juga membawa kepada rasa benci dan permusuhan di antara golongan kaya dan miskin, yang akan membawa kepada konflik sosial dalam masyarakat.

Persoalannya, adakah peningkatan kutipan zakat pendapatan yang begitu cemerlang seluruh malaysia umumnya dan di Kedah khususnya menjadi kayu ukur terbaik kepada penyaluran dana zakat kepada asnaf-asnaf tersebut. Adakah asnaf-asnaf zakat di institusi pengajian Tinggi (IPTA) seperti di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah juga dapat menikmati agihan zakat sekaligus mengurangkan kos sara diri asnaf semasa pengajian atau



sebaliknya. Justeru itu, kajian ini ingin mengenal pasti impak zakat pendapatan terhadap asnaf-asnaf zakat dalam kalangan kakitangan dan pelajar di UiTM Kedah.

## **2. Metodologi Kajian**

Kajian ini merupakan kajian kes yang melibatkan penelitian terhadap impak agihan dana zakat pendapatan UiTM Kedah kepada asnaf zakat yang terdiri daripada pelajar dan kakitangan UiTM Kedah. Kajian ini dilakukan menggunakan kaedah kuantitatif. Kajian ini dilakukan dengan mengedarkan soal selidik secara atas talian menggunakan *Google Form*. Kajian ini memilih sampel dengan menggunakan kaedah pensampelan bertujuan dengan mendekati kawasan populasi iaitu asnaf zakat UiTM Kedah yang terdiri daripada pelajar dan kakitangan UiTM Kedah. Bagi kajian ini sampel yang dipilih adalah pelajar yang pernah menerima bantuan zakat UiTM Kedah tanpa mengambil kira kekerapan menerima bantuan tersebut, pelajar UiTM Kedah yang telah menamatkan pengajian atau masih dalam pengajian, kakitangan UiTM Kedah yang pernah menerima bantuan zakat dan beragama Islam. Oleh sebab faktor keterbatasan masa serta kos, maka saiz sampel yang digunakan berjumlah 186 orang responden. Setelah selesai proses pengumpulan data dari *Google Form*, data yang diperoleh dikumpul dan dianalisis menggunakan *Statistical Packages for the social sciences* (SPSS). Kajian ini melibatkan kaedah deskriptif dengan menggunakan peratusan, min dan sisihan piawai.

## **3. Dapatan Kajian Dan Perbincangan**

Pengurusan zakat pada masa kini sangat mencabar dan memerlukan tahap profesionalisme yang sangat tinggi. Hal ini selari dengan pandangan [5] bahawa pengurusan zakat pada masa kini tidak sama dengan zaman dahulu. Amil yang dilantik pada zaman dahulu terdiri daripada para ustaz dan guru agama yang sangat diyakini ketelusan mereka. Namun kini, perlukan pengurus zakat yang mempunyai tahap profesionalisme dan keilmuan yang sangat tinggi merangkumi pelbagai bidang kemahiran untuk mengurus dan mentadbir hal berkaitan kutipan dan agihan dana zakat. Tambah beliau lagi penuhnya institusi zakat di Malaysia penting dalam memastikan pelaksanaan kutipan dan agihan zakat dapat dilakukan secara cekap, telus dan berkesan. Sekiranya institusi zakat tiadak dapat berfungsi dengan baik, maka misi dan visi institusi zakat tidak berjaya dilaksanakan. Beliau juga mencadangkan agar pengurus dan pentadbir zakat menerapkan nilai-nilai Islam yang tinggi seperti amanah, adil, bijaksana dan sebagainya dalam kutipan dan agihan zakat. Hal ini bagi mengelakkan timbul isu ketidakadilan dalam agihan dan kutipan zakat. Hal ini dilihat selari dengan pandangan [2] bahawa zakat sangat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Perkara ini dapat direalisasikan dengan meningkatkan kecekapan peranan yang dimainkan oleh amil zakat dalam menguruskan zakat. Menurut beliau lagi, pengurusan zakat menuju ke arah yang lebih progresif dan profesional, seiring dengan institusi kewangan Islam yang lain tetapi masih perlu dalam ketentuan dan prosedur sebagaimana yang digariskan syarak.

Kajian zakat di IPT telah dilakukan oleh beberapa penyelidik. Misalnya [3] Kajian mereka mendapati bahawa setiap IPT mempunyai kaedah urustadbir yang tersendiri. Kadar upah amil yang diberikan kepada institusi pengajian tinggi didapati tidak seragam yang mana Majlis Agama Negeri didapati memberikan upah amil yang berbeza-beza di antara negeri. Berdasarkan kajian mereka Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) memberi bahagian upah amil paling tinggi iaitu 12.5 peratus. Manakala Lembaga Zakat Selangor mengembalikan wang agihan zakat yang paling tinggi iaitu 43.75 peratus daripada jumlah pungutan dana zakat di universiti. [1] mendapati agihan zakat dapat mengurangkan kadar keciciran dalam pembelajaran terutamanya melibatkan pelajar IPT. Hal ini kerana keciciran yang berlaku di IPT kebanyakannya bukan disebabkan kegagalan tetapi disebabkan oleh kemiskinan. Dengan bantuan dana zakat yang sewajarnya, kelompok seperti ini dapat diselamatkan dan boleh berjaya seperti orang lain. Oleh itu, dana zakat perlu dihargai dan digunakan semaksimum mungkin untuk kebaikan diri dan pembangunan asnaf itu sendiri. Namun menurut [4] terdapat juga asnaf di kalangan pelajar yang tidak menghayati dan menghargai bahawa bantuan zakat itu sebenarnya boleh menaikkan semangat mereka untuk belajar dan juga membentuk sahsiah diri serta peningkatan kualiti ibadah kepada yang lebih baik. Hal ini memerlukan pihak pengurusan merancang strategi untuk meningkatkan motivasi pelajar supaya lebih menghargai sumbangan yang diterima untuk kemajuan mereka di masa hadapan.

Berdasarkan sorotan terhadap kajian sebelum ini, belum ada lagi kajian khusus terhadap impak agihan dana zakat di UiTM Kedah. Justeru itu, kajian ini akan mengkaji impak agihan dana zakat UiTM Kedah terhadap asnaf zakat UiTM Kedah yang terdiri daripada pelajar dan kakitangan UiTM Kedah.

Di peringkat UiTM Shah Alam, pengurusan zakat wakaf dan sedekah di uruskan oleh bahagian Zakat, Wakaf Dan Sedekah atau dikenali sebagai ZAWAS. ZAWAS UiTM Shah Alam ditubuhkan hasil usahasama antara Pengurusan tertinggi UiTM dengan Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang telah bermula pada tahun 1998. Manakala pengurusan zakat UiTM Kedah dipertanggungjawabkan kepada ZAWAS UiTM Kedah.

Dana zakat merupakan dana hasil dari kutipan zakat yang diterima di UiTM Kedah. UiTM Kedah berdasarkan MoA dengan LZNK telah bersetuju membenarkan UiTM Kedah mengutip zakat pendapatan dan zakat harta. Zakat pendapatan merangkumi apa juar perolehan yang halal dan ahli fuqaha' mengklasifikasikannya sebagai "Mal al-



*Mustafad'*. Ia termasuklah apa sahaja pendapatan selain yang dijelaskan dalam syarak. Pengiraan zakat pendapatan adalah berdasarkan pendapatan bersih seseorang. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya; dan siapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuannya) yang diberikan Allah kepadanya". (al-Talaq:7)*

Terdapat beberapa pandangan berkenaan zakat pendapatan di Malaysia. Ia menjadi isu dan perdebatan dalam kalangan sarjana Muslim [1, 2]. [5] berpendapat bahawa terdapat tiga bentuk respons masyarakat di Malaysia mengenai kewajipan membayar zakat pendapatan. Pertama, mereka yang menolak kewajipannya kerana fatwa tersebut tidak berasaskan nas yang kuat. Kedua mereka yang menerima kewajipannya kerana kemaslahan masyarakat dan para penerima. Ketiga, mereka yang menerima kewajipan membayar zakat pendapatan kerana hukum kewajipan tersebut berasaskan nas al-Qur'an dan al-Hadith.

Namun begitu, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) Kali Ke-31 dan Muzakarah Khas yang bersidang pada 9 Dec 1992 telah membincangkan Zakat Gaji & Pendapatan Professional. Muzakarah telah memutuskan bahawa Umat Islam boleh mengeluarkan zakat daripada pendapatan gaji dan Jabatan Hasil Dalam Negeri hendaklah memberi rebet zakat ke atas jumlah yang dibayar itu. Begitu juga dengan pendapatan profesional diwajibkan zakat kerana ia termasuk dalam zakat perniagaan. (JAKIM, 2022). Manakala kewajipan menuaikan zakat pendapat di Kedah telah di fatwakan pada 10 April 1986 di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Tahun 1962 Bil.9. (LZNK, 2022). Terdapat beberapa kaedah taksiran zakat pendapatan iaitu kaedah tanpa penolakan keperluan asas di mana [2.5% X pendapatan kasar setahun] dibahagikan dengan 12 bulan, atau kaedah dengan melakukan tolakan asas di mana 2.5% daripada pendapatan kasar setahun yang telah ditolak beberapa perbelanjaan yang dibenarkan (diri sendiri, isteri, anak-anak, KWSP) dan dibahagikan dengan 12 bulan. Manakala kaedah seterusnya adalah melakukan tolakan terhadap perbelanjaan sebenar yang meliputi keperluan asas (makanan, pakaian, perubatan, pengangkutan, pendidikan dan tempat tinggal), dan 2.5% daripada baki (sekiranya mencukupi nisab) akan dibahagikan dengan 12 bulan [4].

Zakat pendapat yang diperolehi di UiTM Kedah adalah hasil daripada kutipan zakat daripada staf dan kakitangan melalui potongan gaji setiap bulan mengikut kadar semasa yang diambil kira setelah ditolak tanggungan bagi setiap isi rumah. Zakat harta pula diterima bagi kakitangan yang ingin membayar zakat ke atas mereka selain daripada pendapatan seperti zakat emas dan sebagainya. Zakat harta juga boleh dibayar kepada ZAWAS UiTM Kedah selaku ejen kutipan zakat harta yang sah oleh LZNK.

### Kriteria Asnaf Zakat UiTM Kedah

Berdasarkan memorandum persefahaman yang telah ditandatagani sebelum ini, jumlah kutipan akan dibahagi samarata antara LZNK dan UiTM Kedah masing-masing 50% daripada jumlah kutipan tersebut. Sebagai contoh jumlah kutipan sebulan RM50,000, maka UiTM akan menggunakan RM25,000 untuk diagihkan kepada pelajar dan kakitangan UiTM yang tergolong dalam asnaf Zakat. Secara umumnya asnaf zakat terdiri daripada 8 asnaf iaitu fakir, miskin, amil, mualaf, orang terbelenggu, orang berhutang, fisabilillah dan ibn sabil. Namun bagi UiTM kedah hanya disenarai empat asnaf sahaja iaitu fakir, miskin, fi sabillah dan amil. Kadar penentuan kategori tersebut ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1: Kategori Asnaf Zakat Utim Kedah**

KATEGORI	JUM. PENDAPATAN (RM)	KUMPULAN	BENTUK BANTUAN
FAKIR	0-1000	Pelajar dan kakitangan	Kewangan untuk sara hidup
MISKIN	1001-3000	Pelajar dan kakitangan	Kewangan untuk sara hidup



<b>FISABILLAH</b>	3000 ke atas	Pensyarah UiTM Kedah	Bagi tujuan melakukan penyelidikan berkaitan zakat
<b>AMIL</b>		Amil sah	Kewangan

Jadual 1 menunjukkan kategori asnaf yang layak menerima wang zakat UiTM Kedah yang terdiri daripada empat kategori. Kategori pertama ialah fakir yang mana jumlah pendapatan isi rumah bawah RM1000. Bagi kategori miskin pula jumlah pendapatan berada di bawah RM3000. Manakala bagi kategori fi sabillah pula diberikan kepada para pensyarah yang berhasrat melakukan kajian berkaitan zakat dengan pendapatan RM3000 ke atas. Jumlah agihan tidak mempunyai kadar yang tetap kerana bergantung kepada jumlah kutipan dan jumlah permohonan. Permohonan zakat dibuka 2 kali setahun iaitu sekali bagi setiap awal semester. Pelajar boleh membuat permohonan bagi setiap semester. Tiada had permohonan selagi mana pelajar tergolong dalam asnaf zakat mereka layak untuk memohon.

### **Impak Zakat Pendapatan Terhadap Asnaf Zakat UiTM Kedah**

Kajian mendapati zakat pendapatan UiTM Kedah banyak membantu kelompok asnaf pelajar. Maklum balas pelajar mendapati, dana zakat yang diterima digunakan untuk membeli keperluan harian, membantu keluarga, untuk keperluan perubatan dan ada juga untuk membayar yuran pengajian.



Rajah 1: Penggunaan Wang Zakat Untuk Keperluan Harian.  
Sumber: Data SPSS

Berdasarkan Rajah 1, menunjukkan seramai 61 orang pelajar Diploma dan 40 orang pelajar Ijazah sarjana Muda menggunakan wang zakat untuk keperluan harian. Keperluan harian ini sama ada di kolej atau pun di rumah termasuklah membeli makanan, pakaian, menyediakan kelengkapan pembelajaran serta keperluan-keperluan lain. Pandemik Covid-19 memberi kesan terhadap kewangan pelajar itu sendiri. Hal ini mempengaruhi penggunaan kewangan yang lebih.



Rajah 2: Penggunaan Wang Zakat Untuk Membantu Keluarga  
Sumber: Datas SPSS

Berdasarkan rajah 4.2, wang zakat juga digunakan untuk membantu keluarga. Seramai 25 orang pelajar Diploma dan 25 orang Ijazah Sarjana Muda menggunakan wang zakat untuk membantu keluarga. Hal ini bukan sahaja bantuan zakat, bahkan pinjaman PTPTN pelajar juga dihantar kepada keluarga bagi meringankan beban keluarga. Amalan ini dilakukan khususnya pelajar dalam kelompok B40.



Rajah 3: Penggunaan Wang Zakat Untuk Perubatan  
Sumber: Datas SPSS

Rajah 3 pula menggambarkan statistik pelajar menggunakan wang zakat untuk keperluan perubatan. Seramai 6 orang pelajar Diploma dan 8 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda menggunakan wang zakat untuk tujuan tersebut. Pandemik Kovid-19 banyak memberi kesan kepada pelajar khususnya keluarga B40. Bantuan zakat telah digunakan untuk membeli ubat-ubatan, menyelesaikan kos rawatan yang berkaitan. Hal ini sedikit sebanyak mempengaruhi kejayaan pelajar di UiTM Kedah. Kesihatan pelajar mesti diutamakan semasa berada di kolej dan suasana tenteram mesti diwujudkan agar tidak mengganggu pembelajaran pelajar itu sendiri.



Rajah 4: Penggunaan Wang Zakat Untuk Membayar Yuran Pengajian  
Sumber: Datas SPSS

Rajah 4 pula menunjukkan bahawa pelajar UiTM Kedah telah menggunakan wang zakat yang diterima untuk membayar yuran pengajian. Seramai 26 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda dan seramai 49 orang pelajar Diploma menggunakan wang zakat untuk membayar yuran pengajian. Yuran pengajian mesti dibayar setiap semester. Menurut rekod daripada pihak Hal Ehwal Akademik, terdapat pelajar yang gagal membayar yuran pengajian akibat daripada kemiskinan ibu bapa. Wang pinjaman PTPTN yang sepatautnya untuk membayar yuran telah dibahagikan untuk membantu keluarga di rumah. Hal ini menjadikan yuran pelajar tertunggak dan akhirnya dibantu dengan menggunakan Tabung Amil untuk membayar yuran pengajian tersebut. Tabung Amil juga digunakan untuk membantu pelajar yang kesuntukan wang belanja makan, kos tambang balik kampung, kos perawatan hospital contohnya berlaku kemalangan jalan raya dan banyak lagi. Situasi bantuan ini termasuklah kelompok asnaf dan juga bukan asnaf di UiTM Kedah.

Berdasarkan hasil kajian ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar menggunakan wang zakat untuk membeli keperluan harian dan juga untuk membayar yuran pengajian. Hal ini disebabkan keperluan yang mendesak bagi seorang pelajar di kolej. Maka kebergantungan kepada wang zakat adalah satu peluang bagi pelajar seperti ini. Oleh itu, wang zakat amat bermanfaat untuk memenuhi keperluan asnaf di UiTM Kedah.

#### 4. Kesimpulan

Kesimpulannya, hasil kajian ini mendapati bahawa bahagian Zakat, Wakaf Dan Sedekah (ZAWAS) UiTM Kedah berjaya menunjukkan kecekapannya dalam melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan. Kecekapan ini terserlah apabila pembahagian kerja yang lebih tersusun dengan wujudnya Ketua Unit yang diketuai oleh Koordinator Zakat itu sendiri. Di bawahnya terdapat empat bahagian iaitu, Ketua Bahagian Zakat, Ketua Bahagian Wakaf, Ketua Bahagian Sedekah dan Ketua Bahagian Penyelidikan. Apa yang menariknya, Ketua Bahagian Zakat dipecahkan pula kepada dua unit, iaitu Unit Kutipan dan Unit Agihan. Dua unit ini memainkan peranan utama untuk mengutip dan mengagih dana zakat.

Agihan zakat yang diterima oleh asnaf memberikan impak yang positif terutamanya kepada pelajar di UiTM Kedah. Wang zakat tersebut telah digunakan untuk memenuhi keperluan harian pelajar seperti makan minum, pakaian, ubatan dan perawatan pelajar itu sendiri. Ada juga wang zakat digunakan untuk membayar yuran pengajian akibat kemiskinan keluarga walau untuk sementara waktu. Berdasarkan data yang diperolehi dalam kajian ini, pihak ZAWAS



UiTM Kedah dan LZNK perlu berkerjasama untuk membantu lebih ramai lagi asnaf yang ada di UiTM Kedah. Melalui data ini juga pihak LZNK dapat mengenalpasti profil asnaf pelajar dan seterusnya membantu LZNK menemukan asnaf dalam kalangan keluarga pelajar itu sendiri.

### **5. Penghargaan**

Sekalung penghargaan kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dan Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah di atas pembiayaan projek penyelidikan ini. No. rujukan LZNK.PKPZK.100-1/2/1(95). Terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat sama ada dari aspek pengumpulan data mahupun sekadar perkongsian ilmu sepanjang kajian ini dijalankan.

### **Rujukan**

- Mahmood Zuhdi, A. M. (2003). Pengurusan Zakat. Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmud, R., Ahmad, S., Mohamad, A. B. H., & Ahmad, S. H. (2014). Institusi Pengajian Tinggi Sebagai Model Melokalisasikan Urus Tadbir Zakat di Malaysia. *Jurnal Muamalat*, (3), 133-163.
- Shamsuddin, K.B., Wahab, B. & Salleh, M.S. (2021) Impak Bantuan Zakat Terhadap Prestasi Akademik Pelajar Dan Penghayatan Agama: Kajian Kes Semasa Era Covid-19, Proceedings of the 2nd Kedah International Zakat Conference 2021 (i-KEIZAC 2021) eISBN: 978967171284 841 (Impact of Zakat Assistance on The Students' Academic Performance and Religiosity: A Case Study During The Covid-19 Era)
- Suryani, M. (2012). Kaedah pembayaran zakat pendapatan melalui skim potongan gaji oleh Lembaga Zakat Selangor/Suryani Binti Masnan (Doctoral dissertation, Universiti Malaya).
- Wahid, H. (2009). Pengagihan zakat oleh institusi zakat di Malaysia: Mengapa masyarakat Islam tidak berpuas hati?. *Jurnal Syariah*, 17(1), 89-112.

eISSN 2948-5045



9 7 7 2 9 4 8 5 0 4 0 0 1